

Saluran air kolam renang bocor punca runtuhnya tanah

KUALA LUMPUR - Sebuah banglo tiga tingkat nyaris ranap dalam kejadian tanah runtuh di Jalan Taman Pantai, Taman Bukit Pantai, Bangsar di sini kelmarin.

Seramai 17 pegawai dan anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pantai dan BBP Seputeh dikejarkan ke lokasi kejadian.

Menurut Komander Operasi Kanan, Penolong Kanan Penguasa Bomba Mustafa Kama Mohd. Arie, pemeriksaan awal mendapati runtuhnya tanah itu berkemungkinan berlaku disebabkan kebocoran saluran air kolam renang rumah pen-

duduk di bahagian atas.

"Kerja-kerja mengosongkan lebihan air kolam renang dilakukan oleh anggota bomba.

"Tindakan itu dibuat bagi mengelakkan tanah semakin lembap kerana ia berpotensi berlakunya pergerakan atau hakisan tanah.

"Tiada mangsa yang terperangkap dan (tiada) struktur rumah terlibat," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas beliau, kes tersebut kemudian diserahkan kepada Unit Cerun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak polis dan kontraktor untuk tindakan selanjutnya.



KEADAAN runtuhnya tanah berhampiran sebuah banglo di Bangsar, Kuala Lumpur kelmarin.